



MENTERI SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PERTEMUAN DENGAN PESURUHJAYA UNITED KINGDOM MENGENAI MIGRASI DAN PERHAMBAAAN MODEN

1. Saya telah bertemu dengan TYT Andrew Patrick, Pesuruhjaya United Kingdom Mengenai Migrasi dan Perhambaan Moden dalam siri lawatan kerja saya ke London, United Kingdom pada 23 Mac 2022. Pertemuan ini turut dihadiri oleh delegasi dari pelbagai Jabatan dan Agensi di United Kingdom yang terlibat dalam pelaksanaan Akta Perhambaan Moden 2015.
2. Dalam pertemuan ini, saya telah berkongsi inisiatif Kerajaan untuk menangani isu buruh paksa yang dikaitkan dengan penghasilan produk syarikat Malaysia. Ini termasuklah pindaan dan penguatkuasaan akta perburuhan, Pelan Tindakan Nasional berhubung Buruh Paksa (NAPFL), aplikasi mudah alih *Working for Workers*, cadangan pelaksanaan eWages dan latihan induksi wajib kepada pekerja warga asing setibanya mereka di Malaysia.
3. Dalam hal ini, Kerajaan United Kingdom mengambil pendekatan yang agak berbeza dengan sekatan eksport yang dikenakan oleh Kerajaan Amerika Syarikat di mana pihak Kerajaan United Kingdom lebih menekankan kepada tindakan pencegahan dan pembetulan yang boleh diambil oleh syarikat yang terlibat dalam amalan buruh paksa. United Kingdom juga telah mengenakan tindakan keras ke atas syarikat yang dikenal pasti mengamalkan buruh paksa dalam rantai bekalan mereka.

4. TYT Andrew Patrick juga telah **menzahirkan penghargaan United Kingdom terhadap inisiatif yang telah diambil oleh Malaysia serta mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas komitmen yang ditunjukkan terutamanya dalam meratifikasi Protokol Pertubuhan Buruh Antarabangsa berhubung buruh paksa (Protokol 29)**. Beliau bersetuju bahawa isu buruh paksa ini berkait rapat dengan migrasi dan bersedia untuk menjalinkan kerjasama yang lebih erat ke arah membasmi buruh paksa secara holistik.

5. Pihak United Kingdom juga menyambut baik akan cadangan saya untuk memasukkan perbincangan berhubung migrasi dan buruh paksa sebagai salah satu agenda tetap dalam Dialog Strategik UK – Malaysia yang dilaksanakan setiap tahun bermula tahun ini. Saya akan mengutarakan cadangan ini dalam Mesyuarat Jemaah Menteri yang akan datang. Saya percaya usaha ini akan membuahkan hasil yang positif kerana isu migrasi dan buruh paksa perlu ditangani melalui kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan.

DATUK SER M.SARAVANAN
MENTERI SUMBER MANUSIA
UNITED KINGDOM
24 MAC 2022